

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2023
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

BIL.	JAWATAN	GRED	GOOGLE FORM
1.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41	https://forms.gle/Y5p9Hqp2FaGFwkzT9

TARAF JAWATAN : KONTRAK
TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA
TARIKH TUTUP IKLAN : 24 MAC 2023

CARA MEMOHON

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di job_hsaas@upm.edu.my atau 03-9769 9055/9056/9072.

JAWATAN: PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Gaji Pokok : RM2,315.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred F41: RM2,315.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred F41: RM2,522.44); atau
 - iii. Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred F41: RM2,833.78)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Mempunyai pengalaman **satu (1) hingga (3) tahun** dalam bidang analisis keperluan sistem dan pengaturcaraan khususnya serta pengetahuan dan kemahiran teknikal yang lain-lain seperti berikut:

- a) Boleh merancang dan melaksanakan projek, menentukan tugas dan sumber yang diperlukan serta membentangkan kepada pihak berkepentingan laporan tentang kemajuan projek serta masalah dan cara penyelesaian.
- b) Mempunyai pemahaman yang baik tentang amalan terbaik pembangunan sistem, termasuk kebolehcapaian dan pengoptimuman prestasi.
- c) Menganalisis dan memahami keperluan pengguna (*user requirement specification*)

- d) Merencanakan sistem maklumat (*Information System Design*).
- e) Memahami konsep pangkalan data dalam merencanakan pangkalan data (*Database Design System*).
- f) Berpengetahuan tentang pengaturcaraan PHP berorientasikan objek.
- g) Mempunyai pengetahuan penggunaan pangkalan data PostgreSQL dan Oracle.
- h) Berkebolehan untuk menggunakan sistem pengoperasian Windows dan Linux.
- i) Boleh bekerja secara individu di bawah pengawasan yang minimum.